

09/11/1999

Pemimpin gila kuasa tidak bertahan lama

PETALING JAYA, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini berkata, pemimpin yang gila kuasa tidak akan bertahan di negara ini kerana rakyat sememangnya tidak menerima pemimpin seumpama itu.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pemimpin negara ini tidak mempunyai ciri itu sebaliknya mereka sentiasa berpegang kepada falsafah berkongsi kuasa sama ada sesama rakyat mahu pun kerajaan.

Berucap pada pelancaran album Balada Seorang Pejuang di Hotel Sunway Resort, di sini, beliau berkata, pemimpin negara mengutamakan kepentingan rakyat dan negara mendahului kepentingan peribadi dan keluarga dalam usaha mengekalkan kemerdekaan dan keamanan yang dikecapi.

Album Balada Seorang Pejuang diterbitkan Persatuan Penyiar Kebangsaan Malaysia (Penyiar) dengan usaha sama karyawan muzik sebagai mengenang dan menghargai jasa pemimpin negara.

"Semua pemimpin negara kita, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersemangat patriotik... tidak gila kuasa seperti didakwa sesetengah pihak.

"Contohnya bila Dr Mahathir menolak pindaan perlembagaan yang memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri ketika beliau sendiri menjadi Perdana Menteri, jelas membuktikan beliau tidak gila kuasa sebaliknya ikhlas dalam memimpin negara," katanya.

Abdullah berkata, pemimpin negara ini mempunyai ciri kepemimpinan yang bermutu tinggi dalam usaha mengekalkan perpaduan dan kesejahteraan negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama.

Beliau berkata, segala keputusan yang dilaksanakan kerajaan bukanlah keputusan Perdana Menteri secara bersendirian sebaliknya secara bersepakat sesama pemimpin yang lain.

"Kejayaan Malaysia mengekalkan kemerdekaan dan keamanan serta meletakkan diri setanding negara maju bukanlah hasil daripada kepemimpinan seorang pemimpin tetapi hasil tanggungjawab semua pemimpin," katanya sambil menjelaskan setiap perbincangan di mesyuarat Jemaah Menteri tiada berkepentingan peribadi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, segala perbincangan yang dilakukan Jemaah Menteri adalah untuk kepentingan negara dan bangsa Malaysia.

Atas dasar itu, katanya, dirinya (Abdullah) dan menteri Kabinet lain tidak berasa takut atau malu jika ada pihak yang `menggugat' untuk mendedahkan isi mesyuarat Jemaah Menteri kerana segala perbincangan berkepentingan rakyat serta negara.

(END)